

## **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT MENYERTAI TAKAFUL KENDERAAN DI KALANGAN KAKITANGAN JAKIM**

Mohd Naim Mustafa\*<sup>1</sup>  
*Islamic Business School (IBS), UUM Sintok*

Nurul Huda Abdul Majid  
*Universiti Utara Malaysia (UUMKL)*

Lydiawaty Hasan Busry  
*Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)*

### **ABSTRAK**

Industri takaful telah mula bertapak Di Malaysia sejak 30 tahun yang lepas sebagai insuran patuh Shariah. Walaubagaimanapun, tahap penguasaannya didapati rendah berbanding insurans konvensional. Dari segi penguasaan pasaran, dominasi insurans konvensional jauh di hadapan. Adakah penyertaan dalam jenis perlindungan insuran kenderaan dan kaitannya boleh memberi jawapan kepada isu rendahnya penguasaan takaful merupakan satu persoalan. Justeru, kajian ini dibuat di kalangan kakitangan awam di Putrajaya bagi melihat faktor-faktor yang mempengaruhi niat umat islam untuk menyertai takaful kenderaan berbanding insuran kenderaan lain. Bersandarkan Theory of Reasoned Action (TRA), soal selidik dijalankan bagi mengenalpasti kaitan faktor kesedaran risiko, sikap dan norma subjektif terhadap niat kakitangan JAKIM untuk menyertai insurans berasaskan takaful atas kenderaan mereka. Multiple Linear Regression (MLR) digunakan untuk menganalisis hubungan antara pemboleh ubah bersandar(niat) dan pemboleh ubah bebas. Dapatan kajian menunjukkan hanya norma subjektif secara signifikan tidak mempengaruhi niat manakala faktor-faktor lain adalah signifikan. Rumusnya, sikap dan kesan kesedaran risiko mempengaruhi niat secara signifikan dalam umat islam membuat pilihan untuk menyertai takaful kenderaan. Kajian ini membantu memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi niat pengguna takaful kenderaan, khususnya umat islam dalam memilih insuran berasaskan takaful. Ianya penting sebagai salah satu sumbangan kecil khususnya kepada syarikat takaful dalam memperkasakan industri takaful dan kepada sistem kewangan Islam secara umum di Malaysia.

**Kata Kunci:** *Takaful kenderaan, teori tindakan beralasan, niat*

---

\*Corresponding author E-mail: [naim9319@yahoo.com](mailto:naim9319@yahoo.com); nurul@uum.edu.my

Kertas kerja ini merupakan sebahagian dari dapatan kertas projek Bertajuk 'Factors influencing the Intention to participate in Motor Takaful among Jakim Staff (Ogos,2020) bagi memenuhi syarat bergraduasi Sarjana Kewangan dan Perbankan Islam, Universiti Utara Malaysia

## 1.0 PENGENALAN

Sistem kewangan Islam Malaysia dilihat kini membangun dengan baik iaitu sistem insurans konvensional (selepas ini disebut insuran) dan takaful adalah beroperasi secara seiringan. Industri kewangan Islam khususnya takaful Malaysia mula diperkenalkan dengan permulaan Akta Takaful 1984 dan penubuhan Syarikat takaful (Takaful Malaysia Berhad) pertama pada tahun 1985. Pasaran Insurans meliputi insurans kenderaan/motor iaitu antara sektor terbesar berbanding sector lain seperti insurans kebakaran, penerbangan dan transit, laut dan lain-lain. Secara asasnya, insurans dan takaful mempunyai persamaan fungsi iaitu menanggung risiko peserta sebagai pemegang polisi. Prinsip di dalam takaful berasaskan konsep iaitu saling bantu-membantu dan kerjasama seperti yang digalakkan dalam Islam. Dengan kata lain keduanya menawarkan perlindungan kepada pemegang polisi atas tuntutan oleh pihak ketiga disebabkan kemalangan dalam keadaan wujud tuntutan atas musibah menimpa mangsa yang menyebabkan kerugian seperti kerosakan dan dalam konteks kajian ini, kenderaan atau harta benda berkaitan.

Bagi membangunkan takaful kenderaan sebagai insuran patuh syariah yang menjadi pilihan, Isa (2018) melihat penyertaan dalam produk ini penting sebagai sumbangan dan sokongan masyarakat Islam kepada industri ini. Lebih 30 tahun industri kewangan Islam mengalami perkembangan yang pesat, transformasi sektor perbankan sejajar dengan insuran patuh syariah seharusnya meningkatkan kadar penyertaan dan pemilihan masyarakat keatas takaful. Bahkan menjadi keperluan bagi pengguna kenderaan untuk memastikan kenderaan dan pengguna mendapat perlindungan atas musibah yang tidak diingini apatah lagi umat Islam yang harus berpegang kepada amalan kebajikan dan persaudaraan

Jika merujuk kepada asas perbezaan antara takaful dan insurans, takaful bebas dari elemen tidak patuh syariah iaitu kontrak yang tidak mengandungi unsur riba, ketidakpastian (gharar), dan perjudian (maysir). Oleh itu, bagi menghindari unsur tersebut, kontrak takaful menggunakan prinsip 'Tabarru' iaitu pemegang polisi atau peserta menyumbangkan sejumlah wang kepada dana khas secara sukarela dan bersama-sama bersetuju untuk berkongsi risiko antara para peserta lain yang turut menyumbang dalam satu dana khas tersebut. Ini merupakan prinsip kebajikan dan persaudaraan yang merupakan antara konsep asas dalam takaful. Sementara itu bagi insuran, pemegang polisi dalam insurans konvensional harus membayar premium kerana wujud proses pemindahan risiko kepada syarikat insurans yang mereka sertai atas kerugian yang tidak pasti akan berlaku. Dengan kata lain, gharar yang terlibat boleh terhasil sekiranya berlaku tuntutan pampasan daripada sebelah pihak saja iaitu syarikat insurans dan peserta tidak memperolehi apa-apa keuntungan atas jika tiada apa-apa berlaku untuk peserta membuat tuntutan.

## 2.0 LATAR BELAKANG PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Industri takaful yang berkembang di Malaysia menunjukkan prestasi yang baik semenjak 30 tahun yang lalu dengan adanya 15 syarikat pengendali takaful pada masa ini seperti yang dirujuk dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Senarai *Syarikat Pengendali Takaful*

AIA PUBLIC Takaful Bhd	Etiqa General Takaful Berhad
AmMetLife Takaful Berhad	FWD Takaful Berhad
Etiqa Family Takaful Berhad	Great Eastern Takaful Berhad
Hong Leong MSIG Takaful Berhad	Sun Life Malaysia Takaful Berhad
Prudential BSN Takaful Berhad	Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad	Takaful Ikhlas Family Berhad
Takaful Ikhlas General Berhad	Zurich General Takaful Malaysia Berhad
Zurich Takaful Malaysia Berhad	

Sumber: [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my) pada 30 September 2020

Merujuk kepada data PIAM (2019), terdapat perbezaan ketara antara bilangan syarikat yang menawarkan perkhidmatan insurans kenderaan dan syarikat yang menawarkan takaful kenderaan di mana hanya terdapat 4 syarikat takaful berbanding 21 syarikat insurans konvensional bagi produk perlindungan kenderaan. Ini menunjukkan bilangan pengendali takaful masih lagi jauh rendah dari segi penawaran perlindungan untuk kenderaan berbanding pengendali konvensional (Jadual 2 merujuk senarai yang berkaitan)

Dari sudut penembusan pasaran, analisis oleh Miliman (2017) menunjukkan perbezaan ketara antara insurans hayat dan takaful. Perbandingan Malaysia dan Indonesia pada tahun 2013-2014 menunjukkan hanya pada kadar 0.32% dan 0.2% penembusan pasaran industri takaful di Malaysia direkodkan. Manakala Indonesia juga menunjukkan corak yang sama iaitu 0.08% dan 0.02% bagi kedua-dua tahun tersebut. Analisis ini signifikan merujuk kedua-dua negara ini mempunyai posisi penduduk beragama Islam yang besar berbanding bukan muslim. Kajian bagi melihat wujud factor tertentu yang mungkin menjadi penghalang orang Islam untuk menyertai takaful dalam perlindungan kenderaan mereka melihat kepada pasaran takaful masih jauh ketinggalan dalam penguasaan pasaran berbanding industri insurans konvensional.

Berasaskan permasalahan di atas, persoalan adakah penyertaan dalam jenis perlindungan insurans boleh memberi jawapan kepada isu rendahnya penguasaan takaful merupakan tujuan kajian ini dijalankan. Untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi niat umat Islam untuk menyertai takaful kenderaan berbanding insurans konvensional, tiga objektif yang berikut digariskan dalam kajian ini iaitu; 1. Untuk mengenalpasti hubungan antara kesan kesedaran risiko dan niat kakitangan JAKIM untuk menyertai takaful kenderaan.; 2. Untuk mengenalpasti hubungan antara sikap dan niat kakitangan JAKIM untuk menyertai takaful kenderaan dan akhirnya 3. Untuk mengenalpasti hubungan norma subjektif dan niat kakitangan JAKIM untuk menyertai takaful kenderaan

Jadual 2 Pengendali Takaful dan Insurans Konvensional yang Menawarkan 3 Jenis Perlindungan bagi Takaful Kenderaan

Jenis Skim bagi takaful/ Insurans Kenderaan	<i>Takaful</i>	<i>Insurans*</i>
<i>'Komprehensif'</i>	Etiqa Takaful Bhd Syarikat Takaful (M) Bhd Takaful Ikhlas Berhad Zurich Takaful Malaysia Bhd Etiqa Takaful Berhad <b>(4 syarikat)</b>	AIA General Bhd AIG Malaysia Insurance Bhd Allianz General Insurance Company (M)) Bhd AmGeneral Insurance Bhd (AmAssurance) AmGeneral Insurance Bhd (Kurnia) AXA Affin General Insurance Bhd Berjaya Sompo Insurance Bhd Chubb Insurance Malaysia Bhd Etiqa General Insurance Bhd Great Eastern General Insurance (M) Bhd Liberty Insurance Bhd Lonpac Insurance Bhd MPI Generali Insurans Bhd MSIG Insurance (Malaysia) Bhd Pacific & Orient Insurance Co. Bhd Progressive Insurance Bhd RHB Insurance Berhad The Pacific Insurance Bhd Tokio Marine Insurans (Malaysia) Bhd Tune Insurance Malaysia Bhd Zurich General Insurance Malaysia Bhd <b>(21 syarikat)</b>
<i>'Kebakaran dan Kecurian'</i>	Etiqa Takaful Bhd Syarikat Takaful (M) Bhd Takaful Ikhlas Berhad Zurich Takaful Malaysia Bhd Etiqa Takaful Berhad <b>(4 syarikat)</b>	
<i>'Pihak Ketiga'</i>	Etiqa Takaful Bhd Syarikat Takaful (M)Bhd Zurich Takaful Malaysia Bhd <b>(3 syarikat)</b>	

Nota\*kesemua 21 syarikat ini menawarkan ketiga-tiga skim

### 3.0 ULASAN KARYA

Secara umum melihat kepada karya lepas, kajian secara spesifik terhadap *takaful* kenderaan adalah agak terhad. Bagi mengenal pasti keputusan seseorang untuk memilih sesuatu produk, Teori Tindakan beralasan atau 'Theory Reasoned Action'(TRA) selalu diaplikasi dalam kajian berkaitan tersebut antaranya Ab. Rahim and Amin (2011), Amin (2012a), Razak and Taib (2008b), Amin, Abdul-Rahman, Abdul-Razak (2009). Antara faktor yang mempengaruhi niat boleh dirujuk dari ulasan Ajzen (1991) yang membincangkan berkenaan tingkah laku individu yang dipengaruhi niat seseorang berasaskan TRA.

Dalam kajian oleh Ajzen (1991) dan Fishbein dan Ajzen (1975) banyak membincangkan kaitan niat dan norma subjektif beserta sikap seseorang. Menurut Ajzen (1991) niat adalah faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku individu. Niat mempengaruhi sejauh mana tingkahlaku seseorang. Semakin kuat niat seseorang untuk terlibat satu-satu tingkah laku, semakin besar kemungkinan realiti hasil dari tingkah laku akan ditunjukkan. Kesan kesedaran risiko adalah antara faktor sejauh mana risiko dan hasilnya dapat difahami oleh individu, kumpulan, masyarakat, atau organisasi yang terlibat. Sikap pula menurut Fishbein dan Ajzen (1975) adalah antara faktor-faktor lain, yang juga menggambarkan perasaan individu untuk melakukan tindakan tertentu sama ada positif atau negatif dan dalam penilaian individu untuk membuat keputusan. Norma subjektif pula merujuk kepada penilaian Fishbein dan Ajzen (1975) adalah pendapat individu atas komuniti atau individu yang dirujuk. Dipercayai, seseorang individu biasanya dipengaruhi oleh pemikiran, tingkah laku, dan nasihat dari orang lain atau dengan kata lain norma subjektif yang mereka hadapi.

Kajian di Malaysia yang boleh di ringkaskan antaranya oleh Wan Abdul Aziz et al. (2011). Mereka melihat kaitan faktor-faktor seperti kesedaran, pengetahuan dan kebaikan produk atas persepsi responden ke atas atas takaful kenderaan. Niat menyertai takaful oleh Ab. Rahman et al. (2008) pula mengkaji persepsi perbandingan insuran dan takaful kenderaan dikalangan pelajar di pusat pengajian tinggi. Dapatan menunjukkan faktor keagamaan adalah penting bagi membentuk persepsi pelajar untuk memilih takaful. Dalam kajian lain oleh Shamsuddin et al. (2016) juga mendapati bahawa majoriti responden memilih insurans berbanding takaful kerana pengetahuan mereka yang terhad mengenai takaful. Pemilihan itu juga dipengaruhi oleh sejauh mana responden mengetahui perbezaan antara takaful dan pilihan insuran mereka.

Merujuk kepada faktor lain yang diramal mempengaruhi tingkahlaku pengguna, norma subjektif telah digunakan dalam kajian oleh Hasyim(2018) atas responden di Indonesia. Tinjauan atas penerimaan takaful dikait rapat dengan norma subjektif dan rumusan kajian menunjukkan niat pengguna di dorong oleh norma subjektif mereka. Kajian di negara lain contohnya, Nigeria oleh Mas'ud (2017) yang menjalankan satu tinjauan atas penerimaan takaful. Berbeza dengan kajian lain, pendedahan risiko dan sikap di ambil kira dalam kajian faktor-faktor mempengaruhi penerimaan responden. Didapati kedua-dua faktor ini dapat dibuktikan secara langsung ke atas penerimaan pengguna ke atas takaful di Malaysia.

#### **4.0 DATA AND METODOLOGI KAJIAN**

Menyedari hakikat latarbelakang kakitangan yang bekerja di JAKIM secara umum, disamping fungsi jabatan ini dalam memartabatkan Islam, adalah sesuai kajian ini memilih responden di JAKIM yang mempunyai kakitangan beragama Islam bagi memenuhi objektif kajian ini.

##### **Populasi dan Persampelan**

Populasi kakitangan JAKIM di ibu pejabat, Presint 3 Putrajaya adalah sebanyak 825 orang Untuk tujuan kajian ini, sebanyak 350 set soal selidik diedarkan kepada kakitangan yang memenuhi kriteria berikut: 1) kakitangan JAKIM bekerja di Putrajaya; 2) memiliki kenderaan persendirian (kereta atau motosikal). Soal selidik diedarkan kepada responden pada waktu pejabat dari jam 9:00

pagi hingga 4:00 petang. Hasil dari edaran yang telah dibuat, kadar respons 82.26% (218) telah berjaya diperolehi.

Berikut merupakan maklumat demografi responden untuk kajian ini yang dibahagi kepada jantina, umur, tahap pekerjaan, status, Pendidikan, pendapatan isi rumah dan simpanan bulanan kakitangan JAKIM yang menyertai kajian ini.

*Jadual 3: Analisis demografi reponden*

Items	Kategori	Frekuensi	Peratusan %
Jantina	Lelaki	107	49.1
	Perempuan	111	50.9
Umur	25-29	56	25.7
	30-34	50	22.9
	35-39	49	22.5
	40-44	31	14.2
	45-50	32	14.7
Tahap pekerjaan	Kanan( <i>Senior</i> )	27	12.4
	Muda ( <i>Junior</i> )	98	45
	Sokongan/Teknikal	93	42.7
Status	Bujang	48	22
	Berkahwin	165	75.7
	Bercerai	5	2.3
Pendidikan	PhD	7	3.2
	Sarjana	29	13.3
	Sarjana muda	119	54.6
	Diploma	39	17.9
	STPM/SPM/PMR/UPSR	24	11
Pendapatan Isi rumah	<1000	7	3.2
	1000-1999	24	11
	2000-2999	27	12.4
	3000-3999	37	17
	4000-4999	34	15.6
	> 5000	89	40.8
Simpanan bulanan	< 100	32	14.7
	100-199	43	19.7
	200-299	38	17.4
	300-399	23	10.6
	400-499	29	13.3
	> 500	53	24.3

### **Instrumen dan Analisis Kajian**

Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini menggunakan data primer yang di analisa secara kuantitatif menggunakan perisian SPSS. Soal selidik dikendalikan sendiri berasaskan justifikasi kesesuaian soal selidik iaitu;(a) kaedah yang lebih mudah bagi meningkatkan maklumbalas (Sekaran, 2003); (b) Tiada unsur sensitif dalam soalan yang dibina; (c) Soalan mudah dan

difahami; (d) Skala yang digunakan mudah difahami dan dikendalikan, dan e) Arahan adalah secara bertulis yang ringkas dan jelas. Bagi tujuan tinjauan atas kakitangan JAKIM, kelulusan perlu diprolehi daripada Pengarah bagi membolehkan edaran soal selidik dapat dilakukan.

Soal selidik yang dibina mengandungi dua bahagian; Bahagian pertama mengenalpasti demografi responden dan Bahagian seterusnya responden diminta untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan tahap kesedaran risiko, sikap, dan norma subjektif berdasarkan skala Likert 1 hingga 5 di mana 1 menunjukkan "sangat tidak setuju", 2 menunjukkan "tidak setuju", 3 menunjukkan "neutral; sama ada setuju atau tidak setuju", 4 menunjukkan "setuju", dan 5 menunjukkan "sangat setuju". Semua item, yang bertujuan untuk mengukur pemboleh ubah dalam kajian ini di adaptasi dari kajian Md Husin & Ab Rahman (2016) dan diubahsuai untuk kajian takaful kenderaan<sup>1</sup>.

### Model dan Hipotesis

Kajian ini menggunakan model berikut dalam kajian faktor-faktor yang mempengaruhi niat responden untuk menyertai takaful:

$$NIAT = \beta + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3$$


Yang mana  $\beta$  = constant,  $X_1$  = Kesan Kesedaran Risiko  $X_2$  = Sikap, dan  $X_3$  = Norma Subjektif dengan hipotesis berikut :-

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara kesan kesedaran risiko dan niat pelanggan dalam memilih untuk menyertai takaful kenderaan.

H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan niat pelanggan dalam memilih untuk menyertai takaful kenderaan.

H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif dan niat pelanggan dalam memilih untuk menyertai takaful kenderaan.

Model di atas yang diaplikasi dari rangka kerja menurut Teori Tindakan beralasan dan berdasarkan kajian oleh Mas'ud(2017), Hasyim(2018) dan juga Amin(2012a) boleh di ilustrasikan seperti Gambar rajah 1.



Gambarajah 1 : Rangka Kerja  
(adaptasi dari teori TRA)

<sup>1</sup>Soal selidik boleh dirujuk dengan menghubungi [naim9319@yahoo.com](mailto:naim9319@yahoo.com)

## 5.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN HASIL DAPATAN

Hasil keputusan deskriptif diringkaskan didalam jadual 4 dengan nilai min bagi pemboleh ubah bebas dan pembolehubah bersandar serta sisihan piawai yang direkodkan.

*Jadual 4: Min Pemboleh Ubah dan Sisihan Piawai*

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai
NIAT (INT)	4.1404	0.84936
KESAN KESEDARAN RISIKO	4.1573	0.72076
SIKAP	4.3578	0.66156
NORMA SUBJEKTIF	3.7599	0.73375

*Jadual 5 : Hubungan Korelasi Pearson*

Pembolehubah	Pekali Korelasi	Sig. (2-tailed)
KESAN KESEDARAN RISIKO (RSK)	.558**	0.000
SIKAP(ATT)	.612**	0.000
NORMA SUBJEKTIF(SN)	.466**	0.000

\*Signifikan pada aras  $p < 0.01$

Jadual 5 menunjukkan hubungan pekali *Pearson* bagi setiap pembolehubah bebas. Dari analisis tersebut, H1, H2 dan H3 adalah diterima ( $p < 0.01$ ). Kesan kesedaran risiko, sikap dan norma subjektif mempunyai hubungan signifikan dengan niat menyertai takaful kenderaan. Hubungan sederhana (RSK:0.558; SN:0.466) dapat dilihat dari nilai pekali korelasi ( $r$ ), adalah antara pembolehubah bersandar kesedaran risiko dan norma subjektif ( $0.40 \leq r \leq 0.59$ ) manakala didapati bagi pembolehubah sikap (ATT:0.612) ke atas niat, hubungan adalah lebih tinggi. ( $0.60 \leq r \leq 0.69$ )



Jadual 6 Analisa Regresi Linear Berganda

Pekali 'Coefficients' <sup>a</sup>					
Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B.	Std. Error	Beta		
$\beta$	.210	.311		.674	.501
RSK	.254	.085	.216	2.984	.003**
ATT	.501	.091	.390	5.517	.000**
SN	.184	.072	.159	2.555	.011
R					.658
R2					.433
Adjusted R Square					.425
Std Error					.64395

RSK: kesan kesedaran risiko, ATT:Sikap, SN: Norma subjektif (P<0.05\*\*)

Ringkasan keputusan regresi liner berganda adah merujuk kepada Jadual 6 yang menunjukkan niat yang mewakili pembolehubah bersandar dan tiga pembolehubah bebas RSK, ATT dan SN diuji menggunakan model yang telah dibangunkan dalam kajian ini. Nilai R2 0.433 bermaksud perubahan dalam pemboleh ubah bersandar dapat dijelaskan oleh ketiga-tiga pemboleh ubah bebas sebanyak 43.3% manakala selebihnya 56.7% dapat dijelaskan oleh pembolehubah-pembolehubah di luar skop kajian ini. Kekuatan hubungan setiap pembolehubah bebas yang diuji menunjukkan sikap mempunyai hubungan yang paling kuat (Beta=0.501, t=5.517, p=0.000; P<0.05) diikuti oleh kesan kesedaran risika (Beta=0.254, t=2.984, p=0.003; P<0.05) dan norma subjektif (Beta=0.184, t=2.555, p=0.011; P>0.01). Ringkasan penerangan di bawah dapat diterangkan melalui formula persamaan dalam gambarajah 2 berikut:

$$Y = \beta + \beta_1RSK + \beta_2ATT + \beta_3SN$$

$$Y = 0.210 + 0.254RSK + 0.501ATT + 0.184SN$$

Iaitu  $\beta$  = Intercepts (constant); Y =Niat;  $\beta_1RSK$  = Kesan Kesedaran Risiko;  $\beta_2ATT$  = Sikap ;  $\beta_3SN$  = Norma Subjektif

Gambarajah 2 : Persamaan

Dengan satu unit peningkatan kesan kesedaran risiko meningkatkan sebanyak 25.4 peratus niat untuk menyertai takaful. Selain itu, satu unit peningkatan sikap secara positif boleh meningkatkan sebanyak 50.1 peratus niat untuk menyertai takaful. Kedua-dua pembolehubah bebas tersebut adalah signifikan dengan kadar statistik (p<0.01) berbanding norma subjektif yang menunjukkan hasil tidak signifikan (p<0.05:0.011). Oleh itu H1 adalah diterima sejajar dengan dapatan oleh Mas'ud (2017) walaubagaimanapun sebaliknya berdasarkan Hasyim(2018) bagi faktor norma subjektif.

## 6.0 KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan sikap dan kesan kesedaran risiko mempengaruhi niat menyertai takaful kenderaan di kalangan kakitangan JAKIM. Faktor-faktor tersebut pada andaian penulis boleh dipupuk dengan ilmu pengetahuan berkenaan ilmu takaful itu sendiri supaya perbezaan konsep takaful dan insuran menjadi lebih jelas. Oleh yang demikian, pengetahuan takaful penting ke atas faktor berkenaan. Dibimbangi jika ini tidak dipandang serius, umat Islam berkemungkinan terjebak di dalam operasi tidak patuh syariah kesan dari kurangnya ilmu pengguna. Dapatan ini juga dapat memberi pemahaman mengenai penerimaan masyarakat terhadap produk takaful. Ia boleh menjadi sebagai input kepada pasaran insuran patuh *syariah* untuk meningkatkan penyampaian dan kualiti perkhidmatan mereka. Kempen kesedaran takaful dan Latihan atau khidmat masyarakat perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan pengetahuan tentang takaful. Kajian ini signifikan kepada syarikat takaful dalam meningkatkan usaha membina keyakinan terhadap pilihan takaful kenderaan. Justeru, penetapan dasar baru liberalisasi sektor insurans dan takaful sedia ada yang telah bermula sejak Julai 2017 dan pembangunan industri takaful yang pesat pada tahun 2018, sasaran sektor takaful Malaysia dan masalah penembusan pasaran rendah sektor ini dapat dicapai dan ditingkatkan.

## RUJUKAN

- Ab. Rahman, A., Ali, N. A., Che Seman, A., & Wan Ahamad, W. M. (2008). Comparative Study Between Auto Takaful and Auto Insurance Purchasing Behaviour Among Malaysian Undergraduates. *Jurnal Syariah*, 16(1), 75–88. <http://myais.fsktm.um.edu.my/7227/>
- Ab. Rahim, F., & Amin, H. (2011). Determinants of Islamic Insurance Acceptance. *International Journal of Business and Society*, 12(2), 37–54.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior Organizational Behavior and Human Decision Processes. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211.
- Amin, H. (2012). An Analysis on Islamic Insurance Participation. *Jurnal Pengurusan UKM*, 34, 11–20.
- Fishbein, M. & Ajzen, Icek. (1975). *Belief, Attitude, Intention And Behaviour: An Introduction to Theory And Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Hasyim, F. (2018). The Determinant of Takaful Acceptance: Theory of Reasoned Action Approach. *Journal of Finance and Islamic Banking*, 1(1), 2046–2069.
- Isa, M.J. (2018). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penyertaan Pelanggan CIMB Bank Shah Alam Terhadap Takaful. Tesis Sarjana *Universiti Utara Malaysia*.
- Mas'ud, A. (2017). Risk Vulnerability and Takaful Acceptance: Evidence From a Frontier Market. *IJUM Journal of Economics and Management*, 25(2), 411–431.
- Milliman Global Takaful Report 2017: *Market Trends in Family and General Takaful*, 15. <https://www.milliman.com/en/insight/global-takaful-report-2017-market-trends-in-family-and-general-takaful>
- Malaysian Takaful Association Annual Report 2019. <https://www.malaysiantakaful.com.my/general-takaful/motor-product-selector>
- PIAM (2019) Persatuan Insurans Am Malaysia Annual Report 2019. <https://www.piam.org.my/phased-liberalisation-section/motor-product-selector/>
- Amin, H., Abdul Rahman, A.R., & Abdul Razak, D. (2009). Is the Theory of Planned Behaviour Valid for Islamic Home Financing? <https://ideas.repec.org/p/pram/prapa/43179.html>

- Wan Abdul Aziz, W. A., Che Mat, A., & Engku Wok Zin, E. A. M. (2011). A Study of Contributing Factors in Islamic Motor Insurance. *Journal of Social Sciences*, 10(1), 1–20.
- Sekaran, U. (2003). *Research Method for Business: A Skill Building Approach* (4<sup>th</sup> Ed.) John Wiley & Sons London UK
- Shamsuddin, N. E., Tang Howe Eng, & Lajim, S. F. (2016). The Preferences of The Muslim Consumers Between Takaful and Conventional Policy: A Study on Motor Insurance Consumers. *Regional Conference on Science, Technology and Social Sciences (RCSTSS 2014)*, *Rcstss 2014*, 225–236. [https://doi.org/10.1007/978-981-10-0534-3\\_14](https://doi.org/10.1007/978-981-10-0534-3_14)